

# Pelaksanaan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Berteraskan KPMPerkasaKU: Satu Kajian Kes (*The Implementation of Teaching among Teachers in Malay Language Subject based KPMPerkasaKU: A Case Study*)

Mohd Rohiman Subri<sup>1\*</sup>, Azlinda Boheran Nudin<sup>2</sup>, Ismail Ebrahim<sup>1</sup>

<sup>1</sup> SMK Malim Nawar, Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>2</sup> Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman

\*Pengarang Koresponden: [rohiman547@gmail.com](mailto:rohiman547@gmail.com)

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.33>

---

**Abstrak:** *Guru Bahasa Melayu seharusnya melaksanakan program yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tujuan pemerkasaan terhadap kurikulum murid. Pengenalan KPMPerkasaKU berkehendakkan kompetensi Guru Bahasa Melayu dalam menyampaikan kandungan kurikulum yang berkesan terhadap murid. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pelaksanaan pengajaran Guru Bahasa Melayu berteraskan KPMPerkasaKU. Oleh itu, kaedah kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes telah digunakan. Dua orang peserta kajian telah dipilih dan ditemu bual secara mendalam bagi mendapatkan data. Hasil kajian mendapati pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mereka telah menumpukan terhadap kaedah pengajaran berteraskan pendekatan terbeza, tematik, modular, pembelajaran berasaskan projek dan laman SumberKU bagi mendukung pelaksanaan KPMPerkasaKU. Aktiviti pengajaran ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap kandungan asas kurikulum. Dapatan kajian ini memberi panduan kepada guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu untuk melaksanakan PdP yang berupaya merapatkan jurang penguasaan murid terhadap kandungan pembelajaran.*

**Kata kunci:** pengajaran, guru, bahasa melayu, KPMPerkasaKU, kajian kes

**Abstract:** *Malay language teachers should implement the program that has been introduced by the Ministry of Education Malaysia for the purpose of empowering the student curriculum. The introduction of KPMPerkasaKU requires the competence of Malay Language Teachers in delivering effective curriculum content to students. The objective of this study is to explore the implementation of teaching based on KPMPerkasaKU among Malay Language Teachers. Therefore, a qualitative study method with a case study approach was applied. Two research participants were selected and in depth interviewed were conducted to obtain data. The results of the study show that the implementation of their teaching and learning has focused on teaching methods based on differentiated teaching approaches, thematic, modular, project - based learning and SumberKU site to support the implementation of KPMPerkasaKU. This teaching activity aims to increase students' mastery of the basic content of the curriculum. The findings of this study provide guidance to Malay language subject teachers to implement PdP in order to close the gap among their students on Malay Language learning content.*

**Keywords:** teaching, teachers, malay language, KPMPerkasaKU, case study.

---

## 1. Pengenalan

KPMPerkasaKU merupakan singkatan terhadap Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum yang bertujuan untuk menyesuaikan dengan situasi dan perubahan yang berlaku dalam arena pendidikan di Malaysia (KPM, 2021). Perubahan yang berlaku akibat pandemik COVID-19 telah menuntut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melancarkan KPMPerkasaKU dengan tujuan untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada murid-murid di Malaysia. Tempoh pelaksanaan bermula pada 1 September sehingga 28 Februari 2022 dengan bermatlamatkan meningkatkan penguasaan murid terhadap kandungan kurikulum sepanjang tahun semasa secara maksimum. Selain itu, jurang pembelajaran antara murid diharap berjaya dirapatkan di samping menyediakan sokongan kurikulum kepada guru-guru bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran terhadap murid. Pelaksanaan pengajaran ini akan membentuk amalan pengajaran dalam Bahasa Melayu selaras dengan hasrat KPMPerkasaKU.

Kesediaan dan kemampuan guru melaksanakan PdP telah menjadi isu penting dalam memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan KPMPerkasaKU. Guru yang kreatif dalam melaksanakan PdP terhadap murid amat diperlukan bagi memastikan penyampaian ilmu dapat dilaksanakan sewajarnya walaupun berhadapan dengan situasi ini (KPM, 2008). Cabaran ini turut digalas oleh Guru Bahasa Melayu di Malaysia. Zamri (2014) menerusi kajiannya menyatakan kejayaan sesuatu mata pelajaran tidak mampu direalisasikan sekiranya guru masih menggunakan kaedah lapok dan tradisional. Tambahan lagi, terdapat kelonggaran terhadap guru dalam menyusun kaedah penyampaian dalam meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Melayu (Norismayati, Anida & Mohd. Rashid, 2013).

PdP yang berkesan seharusnya dilaksanakan oleh Guru Bahasa Melayu bagi menyahut seruan KPMPerkasaKU. Terdapat garis panduan yang telah diperkenalkan oleh KPM bagi tujuan untuk memudahkan guru melaksanakan sesi PdP. Cadangan kaedah pengajaran melalui modular, tematik dan berasaskan projek dilihat mampu menyampaikan kandungan kurikulum terhadap murid secara optimum. Pengenalan strategi pengajaran iaitu M2P iaitu mampatan, pengukuhan dan pengayaan yang disulam bersama-sama pendekatan terbeza juga dilihat sangat bersesuaian bagi merapatkan jurang penguasaan kandungan kurikulum dalam kalangan murid yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sarjana tempatan turut berpendapat pengajaran terbeza merupakan kaedah pendekatan pengajaran yang berupaya memenuhi keperluan pembelajaran dan memberi peluang pembelajaran yang sama kepada setiap murid agar mereka mampu belajar secara maksimum mengikut aras kognitif dan situasi pembelajaran mereka (Zamri et al. 2015). Selain itu, Pengajaran terbeza berteraskan tiga aspek, iaitu kandungan, proses dan hasil perlulah bertepatan dengan kemampuan murid agar tujuan pengajaran berbeza ini dapat dipenuhi (Tomlinson, 1999).

Kajian Danial (2020) telah mendapati Guru Bahasa Melayu kurang menunjukkan minat yang mendalam terhadap pelaksanaan PdP terbeza dalam pengajaran mereka. Perkara ini turut menuntut pengkaji untuk meneliatan kemampuan Guru Bahasa Melayu dalam menyahut PdP berteraskan kaedah ini seperti yang dicadangkan oleh KPMPerkasaku. Shareefa (2020) dalam kajiannya mendapati terdapat tiga kelebihan pendekatan pengajaran terbeza yang berupaya menaikkan prestasi akademik, perubahan kepada psikologi yang positif dan berupaya untuk memberikan manfaat kepada guru dan ibu bapa. Bukan itu sahaja prestasi akademik, bukan

sahaja murid yang berkebolehan tinggi, murid yang kurang berkebolehan juga dapat meningkatkan proses pembelajaran dalam bilik darjah (Shareefa,2020; Shareefa et al.,2021). Selain itu, pelaksanaan pembelajaran dalam talian bukan satu perkara baharu dalam pendidikan di Malaysia, malah banyak laman e-pembelajaran telah diperkenalkan oleh KPM untuk menggalakkan pembelajaran secara dalam talian. Pembelajaran secara e-pembelajaran dilihat lebih popular dalam kalangan pelajar IPT tetapi tidak di sekolah-sekolah. Namun kehadiran pandemik COVID-19 telah menjadikan pembelajaran secara dalam talian sebagai satu perkara wajib dan kemestian untuk dikendalikan oleh guru-guru di Malaysia bagi memastikan murid dapat menerima ilmu yang disampaikan. Bahagian Pembangunan Kurikulum turut menyediakan satu platform yang dikenali sebagai SumberKU yang dilengkapi oleh pelbagai bahan pembelajaran untuk guru dan murid.

Oleh itu, penting kajian ini dilaksanakan untuk dijadikan sebagai garis panduan berkaitan pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi Guru Bahasa Melayu berteraskan KPMPerkasaKU. Penelitian terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran Guru Bahasa Melayu wajar dilakukan untuk melihat sejauh mana mereka melaksanakan PdP selaras dengan hasrat KPMPerkasaKU. Pembelajaran secara sterotaip seperti berpusatkan kepada guru tidak seharusnya dilaksanakan sebaliknya lebih menumpukan kepada ciri pembelajaran abad ke-21 selaras dengan hasrat KPMPerkasaKU.

## 2. Metodologi

Penelitian kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes melalui temu bual mendalam. Penetapan kaedah kualitatif dalam kajian ini disebabkan pengkaji ingin meneroka secara mendalam terhadap pengajaran Guru Bahasa Melayu dengan berteraskan KPMPerkasaKU. Data yang konkrit diperlukan dalam membentuk kenyataan serta penjelasan berkaitan fokus kajian iaitu pelaksanaan kaedah pengajaran Guru Bahasa Melayu berteraskan KPMPerkasaKU. Penerokaan secara mendalam berkaitan pengajaran Guru Bahasa Melayu dilakukan terhadap tiga orang peserta kajian yang telah ditemu bual secara bersemuka dan analisis dokumen berkaitan bahan yang digunakan dalam melaksanakan PdP selaras dengan KPMPerkasaKU. Pemilihan peserta kajian terdiri daripada Guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar bahasa Melayu. Mereka merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan KPMPerkasaKU dalam PdP Bahasa Melayu bagi menyampaikan kandungan kurikulum terhadap murid.

Jadual 1: Profil Peserta Kajian

Peserta Kajian	Jantina	Gred	Pendidikan
PK1	Lelaki	DG44	Sarjana Muda
PK2	Perempuan	DG38	Diploma Pendidikan


Pengumpulan data deskriptif melalui kaedah temu bual mendalam digunakan terhadap peserta kajian untuk membolehkan penyelidik membina pengertian dan kefahaman yang mendalam tentang pentafsiran sesuatu aspek (Creswell, 2013). Guru Bahasa Melayu bertindak sebagai peserta kajian (PK) telah dipilih secara rawak bertujuan untuk memberikan maklumat berkaitan pelaksanaan kaedah pengajaran Guru Bahasa Melayu berteraskan KPMPerkasaKU. Data yang diperolehi ditranskrip, dikod, dan dianalisis dengan menggunakan perisian analisis kualitatif NVivo 12. Proses menganalisis data dalam kajian ini telah melibatkan empat langkah seperti yang disarankan oleh Yin (1994) iaitu, pengumpulan data, reduksi data, pemaparan

data, serta membuat kesimpulan dan verifikasi data. Kaedah pembinaan tema dalam penelitian kajian ini digunakan dengan berteraskan tiga kaedah penting iaitu mengekod dan menganalisis bersama-sama dengan unit persampelan, unit konteks dan unit perekodan (Creswell, 2003). Penetapan analisis tema digunakan untuk menentukan dan membangunkan tema serta perbincangan berkenaan dengan pelaksanaan kaedah pengajaran Guru Bahasa Melayu berteraskan KPMPerkasaKU.

### 3. Perbincangan

#### Pelaksanaan Pengajaran

Dapatan kajian telah mendapati kedua-dua peserta kajian telah melaksanakan pengajaran berteraskan KPMPerkasaKU. Mereka telah merancang dan melaksanakan PdP dengan menggunakan pendekatan yang dicadangkan dalam KPMPerkasaKU. PK1 dan PK2 cenderung menggunakan sesi pengajaran melalui pendekatan terbeza, pendekatan tematik, pendekatan modular, pendekatan PBL dan melalui laman SumberKU. Kesemua kaedah ini digunakan bagi mengoptimumkan pembelajaran murid serta meningkatkan pencapaian murid dalam pentaksiran berasaskan bilik darjah yang dilaksanakan. Murid akan lebih menumpukan dalam sesi PdP sekiranya guru mempelbagaikan dari segi kaedah pengajaran (Mohd Rohiman et. al., 2021). Kaedah pengajaran berteraskan kaedah tematik, modular dilihat berupaya membantu murid mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu dengan berkesan (Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub, 2021). Penjelasan terhadap pelaksanaan pengajaran PK dapat dijelaskan menerusi rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Pelaksanaan Pengajaran

#### Pendekatan Terbeza

Dapatan kajian ini memaparkan PK telah memilih kaedah pengajaran berteraskan pendekatan terbeza. PK1 telah menggunakan terbeza dari segi proses dalam PdP mengikut tahap murid iaitu rendah dan tinggi. PK1 turut memberi contoh sesi pengajaran Bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis ringkasan mengikut perbezaan murid. Perkara ini turut membantu untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza itu (Shafeera et. al., 2020). Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK1 di bawah iaitu:

*“Terbeza pun ada, sebab dalam kelas ada yang ok...jadi kita beza-bezakan dia punya proses latihan. Latihan biasa, kita akan bagi kat budak yang aras rendah, tapi kalau yang aras tinggi, kita bagi latihan yang KBAT dan complicated sikit. Kalau ringkasan budak yang TP rendah tu kita minta keluarkan 2 isi dari 6, tujuh isi, kalau budak aras tinggi kita nak dia keluarkan semua isi” (TPK1/PTE/45-49)*

PK2 turut melaksanakan PdP dengan menggunakan pendekatan terbeza dengan membahagikan murid mengikut tahap penguasaan 3 dan 4 dan tahap penguasaan 5 dan 6. Murid yang telah mencapai tahap penguasaan 3 dan 4 telah diminta untuk mengenal pasti jenis ayat dan murid yang mencapai tahap penguasaan 5 dan 6 akan diminta untuk membina ayat mengikut jenis ayat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Secara tidak langsung murid dapat berkerjasama menyiapkan tugas dengan ciri-ciri dan kebolehan murid berbeza (Naparana & Alinsug, 2021). Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK2 di bawah iaitu:

*“kita akan mengajar berdasarkan Catch-Up Plan, jadi kita ajar guna PdP terbeza contoh ikut TP. TP3 dan TP4 kita minta mereka kenal jenis ayat, kalau kumpulan TP5 dan TP6 akan bina ayat-ayat tu. Jadi kita boleh nampak terbeza tu” (TPK2/PTE/53-56)*

Oleh itu, berdasarkan petikan temu bual di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua PK telah melaksanakan PdP dengan pendekatan terbeza seperti yang disarankan dalam KPMPerkasaKU. Pendekatan ini turut membantu guru dalam memberi perhatian kepada murid untuk melaksanakan PdP yang mementingkan kesamarataan murid. Faktor perbezaan murid dari aspek keperluan pembelajaran ini perlu diberi perhatian sama sekali oleh guru untuk menguasai kandungan kurikulum (Taole & Cornish, 2017).

### **Pendekatan Tematik**

Seterusnya, dapatan kajian turut mendapati PK turut merancang dan melaksanakan PdP berteraskan pendekatan tematik seperti yang disarankan dalam KPMPerkasaKU. PK1 telah melaksanakan pendekatan tematik dengan menekankan kepada tema patriotik untuk memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan murid. Pendekatan tematik ini juga dilaksanakan dengan aktiviti meringkas rumusan ssebagai aktiviti bertulis dan aktiviti membaca Rukun Negara. Pendekatan tematik ini berupaya membentuk keseronokan terhadap murid (Kon Chon, 2014) Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK1 di bawah iaitu:

*“Kita ada juga buat tematik, macam baru ni saya ada buat meringkas rumusan karangan tentang tema patriotik Rukun Negara, jadi dia tak bagi keyword dalam soalan, jadi budak kena baca jadi SPnya 2 kan membaca. Jadi kita cari apa yang banyak dia sentuh dalam SP membaca tu sama ada langkah ka cara ka” (TPK1/PTE/56-62)*

Hasil temu bual turut mendapati bahawa PK2 juga turut menggunakan pendekatan tematik dalam pengajaran Bahasa Melayu. Konsep pengajaran dengan menggabungkan tema juga dilakukan oleh PK2 bagi mengalakkan murid menguasai isi pembelajaran yang diajar. Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK2 di bawah iaitu:

*Dari segi tematik pun kita akan guna, sebab subjek Bahasa Melayu banyak temakan. Jadi boleh gabungkan tema tu. Jadi kita fokuskan pengajaran bertema kita macam patriotik contohnya. (TPK2/PTE/73-75)*

Oleh itu, berdasarkan petikan temu bual di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua PK telah melaksanakan PdP dengan pendekatan tematik seperti yang disarankan dalam KPMPerkasaKU.

### **Pendekatan Modular**

Dapatan kajian juga mendapati PK turut melaksanakan pengajaran dengan menggunakan pendekatan modular bagi mempelbagaikan kandungan pembelajaran murid. PK1 percaya bahawa pendekatan modular memang dilaksanakan dalam sesi PdP Bahasa Melayu. Penekanan yang diberikan adalah modular dari segi kemahiran berbahasa murid dalam sesi PdP yang dilaksanakan. Pendekatan ini penting untuk memastikan murid dapat menyerap pelbagai jenis ilmu dalam sesebuah PdP yang dirancang (Mohd Rohiman et. al., 2021; Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub, 2021). Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK1 di bawah iaitu:

*Kalau kita ikut KPMPerkasaKU dah mesti modular tu, rasanya, memang semua pun kita guna modular, kalau kita buat menulis ringkasan karangan, kemahiran membaca memang kita ajar sekali, lepas itu kita nak menulis kena cari isi-isi penting dia kan. Kalau nak ajar menulis tu dah SP 3.0. kalau bertutur kita akan minta dia bercakap untuk bagi keluarkan isi, jadi kita akan ajar dia bertutur, jadi modular tu memang dah ada.*

Di samping itu, PK2 turut melaksanakan pendekatan modular dalam sesi PdP yang dilaksanakan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Ikhsan dan Norila (2014) berpendapat bahawa pengajaran yang melibatkan proses menggabung jalin merupakan proses menggabungkan pelbagai bidang kemahiran bagi menghasilkan suatu pelajaran yang integratif serta bersifat menyeluruh dan bersepadu. PK2 turut percaya bahawa aktiviti bercerita dalam dimodularkan dengan pelbagai kemahiran berbahasa murid bagi memastikan pembelajaran yang pesat dalam kalangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK2 di bawah iaitu:

*Modular pun kita guna, contoh bercerita, kita mintak mereka rakam video dan bercerita selama 3 minit, jadi mereka akan hantar video dan kita akan tayang video tu semula. Jadi kita dah gabung dari segi bertutur dan mendengar, menulis cerita dalam satu PdP tu.*

Oleh itu, berdasarkan petikan temu bual di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua PK telah melaksanakan PdP dengan pendekatan modular seperti yang disarankan dalam KPMPerkasaKU. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan pelbagai kemahiran oleh murid. Perkara ini selaras dengan pandangan Asmawati (2018); KPM (2017) yang mendapati bahawa pencapaian objektif yang terkandung dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu kepelbagaian penguasaan kemahiran yang relevan dalam suatu masa.

### **Pendekatan Berasaskan Projek**

Pendekatan berasaskan projek juga turut dilaksanakan dalam sesi pembelajaran Bahasa Melayu bagi kedua-dua PK. PK1 telah melaksanakan projek penghasilan kraf tangan berasaskan bahan-bahan terbuang. Sikap positif murid juga menyerlah ketika melaksanakan PdP berteraskan PBL. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Noraini Omar (2008) yang telah mendapati terdapat hubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian mereka ketika melaksanakan PBL. Proses modular turut berlaku dalam pelaksanaan projek tersebut dengan menggabungkan subjek Pendidikan Seni Visual dan juga kemahiran berbahasa murid dari segi menulis, bertutur dan

mendengar. Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK1 di bawah iaitu:

*“Kita kena ikut Catch-Up Plan, kita ada juga buat PBL. Jadi kita usahakan juga buat PBL untuk kelas yang kita ajar, untuk BM saya buat kraf tangan dari bahan-bahan terbuang. Jadi dalam PBL pun kita boleh modular dengan subjek PSV, senikan dan kemahiran berbahasa murid juga, menulis ka, bertutur dan mendengar”.*

Bagi PK2 projek yang dihasilkan adalah melalui penghasilan video bercerita dengan murid. Video merupakan produk yang membantu mengembangkan kemahiran bertutur murid. Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan model pendidikan yang memberikan keutamaan pada projek dalam pengajaran dan pembelajaran (Veerasamy, 2010). Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK2 di bawah iaitu:

*PBL kita buat untuk projek hasilkan video tu. Jadi banyak kemahiran juga mereka akan belajar.*

Oleh itu, berdasarkan petikan temu bual di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua PK telah melaksanakan PdP dengan pendekatan berasaskan projek seperti yang disarankan dalam KPMPerkasaKU.

### **Laman SumberKU**

Dapatan kajian juga turut mendapati bahawa laman SumberKU yang dibina oleh KPM juga merupakan medium pembelajaran murid. PK1 percaya bahawa bahan-bahan yang disiarkan dalam laman tersebut dapat membentuk pembelajaran secara sendiri oleh murid semasa di rumah. Perkara ini menepati saranan dalam panduan pelaksanaan pengajaran berdasarkan KPMPerkasaKU (KPM, 2021). Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK1 di bawah iaitu:

*SumberKu memang kita buka, kita print bahan-bahan yang ada dalam tu, kita bagi kat murid guna. Kita juga ada minta budak cari bahan dalam tu yang berkaitan dengan apa yang kita ajar. Dekat sini murid belajar secara sendiri tu.*

PK2 turut bersetuju bahan-bahan yang terdapat dalam laman SumberKU bertindak sebagai bahan sokongan terhadap murid dan PdP guru. Murid boleh menggunakan latihan yang terdapat dalam laman tersebut sebagai aktiviti pengukuhan terhadap sesi PdP yang dirancang dan dilaksanakan. Hal ini dapat dibuktikan dengan menerusi temu bual pengkaji dengan PK2 di bawah iaitu:

*SumberKU tu bahan boleh kita ambil dan beri kepada murid. Murid boleh guna latihan. Jadi bahan kita pun pelbagai juga. Saya pun mudah nak cari bahan PdP saya.*

Oleh itu, berdasarkan petikan temu bual di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua PK telah melaksanakan PdP dengan menggunakan bahan yang terdapat dalam laman SumberKU seperti yang disarankan dalam KPMPerkasaKU.

#### 4. Kesimpulan

Kesimpulannya, Guru Bahasa Melayu bersedia merubah pedagogi dengan mengamalkan pendekatan yang telah dicadangkan di dalam KPMPerkasaKU. Cabaran yang paling getir apabila guru perlu sedaya upaya untuk menyampaikan kandungan asas kurikulum terhadap murid dengan sebaik mungkin. Kesemua peserta kajian juga telah melaksanakan PdP dengan menggunakan pendekatan yang dicadangkan dalam KPMPerkasaKU iaitu dengan pendekatan terbeza, tematik, modular, berasaskan projek dan mengoptimumkan laman SumberKU yang bertujuan untuk memaksimumkan penyampaian kandungan asas kurikulum di samping menarik perhatian murid melibatkan diri dalam sesi PdP Bahasa Melayu. Kajian ini diharapkan dapat memperluas pelaksanaan PdP Bahasa Melayu di samping dapat mengembangkan kerangka ilmu berkaitan dengan PdP berteraskan KPMPerkasaKU. Oleh itu, penting tumpuan diberikan terhadap implikasi pelaksanaan pengajaran ini terhadap guru dan murid bagi memperluas dapatan kajian.

#### Rujukan

- Asmawati Mohamad Alia, Norizal Abdul Karim@SAB , Anita Mohamed & Noraihan Ismail. (2018). Aplikasi Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Aktif Dalam Subjek Kemahiran Dinamika bagi Merealisasikan Pendidikan Abad ke-21. *Jurnal Teknologi* 10(3-2): 47–55.
- Creswell, J.W. (2013). *Research design Qualitative and Quantitative Approaches* (2<sup>nd</sup> ed.) Thousand Oak, CA: Sage Publication.
- Danial Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10 (2) 29-42.
- Ikhsan dan Norila. (2014). *Aspek-aspek dalam Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pelan hala tuju pendidikan bahasa Melayu 2016-2025*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Pengoperasian KPMPerkasaKU*. Putrajaya. Diakses pada 25 Februari 2021 di laman <https://sumberku.moe-dl.edu.my/pelan-komunikasi#h.lr3klk8q68w1>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kon Chon Min. (2014). *Kefahaman dan amalan terhadap pendekatan tematik daripada perspektif guru kemahiran hidup bersepadu di negeri Perak*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Naparan, G. B. & Alinsug, V. G. (2021). Classroom strategies of multigrade teachers. *Social Sciences & Humanities Open*,3(1),1-6. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2021.100109>.
- Norismayati Aida Idris, Anida Sarudin, Mohd. Rashid Md. Idris (2013). Amalan Guru dan Penguasaan Aspek Ilmu Linguistik dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu di Perak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 116 - 142. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1137>.
- Noraini Haji Omar. (2008). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam tingkatan Lima. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. IPTAR.



- Roessingh, H. & Chambers, W. (2011). Project-Based Learning and Pedagogy in Teacher Preparation: Staking Out the Theoretical Mid-Ground. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 23(1), 60-71.
- Shareefa, M. (2020). Using differentiated instruction in multigrade classes: A case of a small school. *Asia Pacific Journal of Education*, 41, 167-181.
- Shareefa, M., Moosa, V., Matzin, R., Abdulla, N. Z. M. & Jawawi, R. (2021). Facilitating differentiated instruction in a multi-grade setting: the case of a small school. *SN Social Sciences*, 1, 127. <https://doi.org/10.1007/s43545-021-00116-7>.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub., & Azlinda Boheran Nudin,. (2021). Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik COVID-19: Satu Kajian Kes. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 21-32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.3.2021>.
- Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub,. (2021). Pengetahuan pedagogi guru cemerlang bahasa Melayu dalam pengajaran komponen sastra: satu kajian kes. *APJ: Asian People Journal*, 4 (1), 50 – 64.
- Taole, M. J. & Cornish, L. (2017). Identifying the professional knowledge base for multi-grade teaching. *The Online Journal of New Horizons in Education*, 7(4), 42-51. <http://tojnec.net/journals/tojnec/articles/v07i04/v07i04-05.pdf>.
- Tomlinson, C.A. (1999). *The Differentiated Classroom: Responding to the Need of All Learners*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Veerasamy Naidoo. (2010). Project Based Learning (PBL): An Innovative Vehicle for the Assessment of Student Learning in the Science Classroom. (Tesis PhD. Tidak Diterbitkan). Curtin University of Technology, Australia.
- Yin, R. (1994). *Case study research: design and methods* (2nd ed.). Beverly Hills, CA: Sage Publishing.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zimmerman, D. C. (2010). Project Based Learning for Life Skill Building in 12th Grade Social Studies Classrooms: A Case Study. (Tesis Sarjana. Tidak Diterbitkan). Dominican University of California, San Rafael, CA.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.